

Headline	40 bayi, kanak-kanak, ibu mengandung diraikan		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	07 Feb 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	u10	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	188 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,034
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,102



40 bayi, kanak-kanak, ibu mengandung diraikan

JITRA - 40 bayi, kanak-kanak dan ibu mengandung di Hospital Jitra (HJ) di sini diraikan dalam kunjungan sempena sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini.

Kunjungan daripada wakil Pusat Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM), Geng Generasi Muda Kubang Pasu (GGMKP) dan Alumni Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Peretak di sini semalam memberi keceriaan kepada semua yang dikunjungi di HJ.

Pegawai Farmasi yang juga bertugas di HJ, Zarith Firdha Harun, 27, yang melahirkan cahaya mata keduanya, Uwais Al Qarni Sharul Rizan turut melahirkan rasa syukur dan gembira dengan kunjungan itu.

Menurutnya, anaknya kini masih ditahan di wad kanak-kanak kerana mengalami demam kuning selepas dilahirkan.

"Masyarakat hari ini begitu prihatin dan sokongan demi sokongan menguatkan diri biarpun masih berada di hospital," katanya kepada Sinar Harian.

Bagi Pengarah Pusat Islam UUM,



Mohd Badrudin (kiri) mengambil peluang bermesra dengan Uwais Al Qarni sambil diperhatikan Zarith Firdha (kanan).

Profesor Madya Dr Ismail Ishak berkata, kunjungan ini bertujuan mendekatkan diri dengan masyarakat luar.

Menurutnya, pembabitan GGMKP yang terdiri dalam kalangan remaja menampakkkan kesungguhan mereka membabitkan diri dalam kerja-kerja kebajikan.

"Usaha ini dilihat sebagai langkah awal menerapkan nilai murni dalam kalangan mereka untuk melakukan lebih banyak kerja kebajikan dalam

masyarakat,"katanya.

Sementara itu, wakil jawatankuasa GGMKP, Mohd Badrudin Ramli berkata, penglibatan kali pertama mereka ini memberi pengalaman cukup bermakna.

"Kami sungguh gembira dapat meraikan semua golongan masyarakat tidak kira bayi, kanak-kanak dan dewasa yang memerlukan sokongan.

"Lebih banyak aktiviti disusun selepas ini dalam mendekati diri dengan masyarakat setempat," katanya.